# KEBERHUTANGAN SERIUS!



**Pegawai awam** berada dalam keterhutangan kewangan yang serius bermaksud **baki gaji akhir adalah kurang daripada 40%**. Oleh yang demikian **pegawai awam hanya dibenarkan berhutang 60% daripada emolumen** dan mempunyai baki gaji sekurang-kurangnya 40%.





# PERANAN KETUA JABATAN

1. **Ketua Jabatan** perlu memantau dan memperingatkan kakitangan di bawah jagaannya secara berterusan supaya mematuhi surat-surat pekeliling dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa agar **tidak menjejaskan prestasi kerja** dan **tidak berlaku penyalahgunaan kuasa.**

2. Walaupun mempunyai keterhutangan kewangan yang serius, tetapi **pegawai telah menunjukkan prestasi kerja yang baik** serta **tidak melanggar tatakelakuan perkhidmatan awam** di bawah Peraturan 4, **maka tindakan tatatertib tidak perlu diambil.**

3. Sekiranya **kakitangan bawahannya masih tidak mematuhi** surat-surat **pekeliling** dan berada dalam keterhutangan kewangan serius, **Ketua Jabatan perlulah bertanya kepada pegawai bagaimanakah ia menyelenggara kehidupannya.**



Pemantauan terhadap keberhutangan serius boleh dilakukan melalui **kawalan** ke atas **proses kelulusan permohonan pinjaman peribadi** dan juga menyediakan kawalan dalaman seperti **mengemukakan surat tunjuk sebab** untuk memantau dan **memastikan pegawai awam mempunyai had pendapatan bersih minimum 40%**



## PENYATA GAJI

| | | | |
|---|---|---|---|
| Gaji Pokok (a) | RM2,000 | Pinjaman Peribadi (b) | RM1,100 |
| | | Gaji Bersih (c : a - b) | RM900 |
| | | **% Peratus Gaji Bersih** | **45%** |

**Pengiraan : RM900 (c) / RM2,000 (a) x 100%**

[ Gaji Bersih / Gaji Pokok) x 100% ]

✓ **baki gaji akhir adalah lebih daripada 40%.**

*"Gaji Kita , Kita Jaga"*

Hubungi Unit Gaji KPT :
**gaji.bkew@mohe.gov.my**
Samb : 5295 | 5297 | 5308 | 5342 | 5307 | 5306 | 5317

**Rujukan :** FAQ JPA | JANM.BKP.600-14/1/11Jld.3(5) | JPA(S)TT.7082 Jld.6 (35) bertarikh 25 Disember 2005